☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 31/1/2012
Hari: SELASA M/S: 14
Ruangan: FELDA

Dari Changlun ke England

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
Gambar FAUZI BAHARUDIN

SESEKALI menghabiskan masa terluangnya di calet yang dibina di belakang rumah ayahnya di Felda Batu Lapan, kenangan zaman kanak-kanak sering menerpa di ruang fikirannya.

Diiringi suasana hening berteman kicauan burung dan harum wangi sabut kelapa yang dibakar, calet itu menjadi tempatnya melangsaikan tugasan harian yang belum selesai.

Diari hidup Pensyarah Matematik dan Statistik di Universiti Utara Malaysia (UUM) ini tidak pernah lekang dengan suasana kampung.

Sehingga hari ini, walau England telah dijejaknya namun jiwa sebagai anak kampung masih terpahat utuh di sanubarinya.

"Hubungan saya dengan Felda tidak pernah putus. Saya ingin meneruskan apa yang telah arwah ayah lakukan dulu. Walaupun saya tidak menetap di rumah ini tetapi saban minggu dan setiap detik, saya tetap pulang ke sini.

"Di rumah inilah saya membesar dan menghabiskan sekian banyak waktu zaman kanak-kanak dan remaja hinggalah saya melanjutkan pengajian ke luar negara," kata Prof. Madya Izham Shafie ketika ditemui di rumahnya di Kodiang, Kedah.

Kehidupan lelaki bertubuh kecil ini terisi dengan cerita kenakalan zaman kanak-kanaknya. Semua itu adakala membuatnya tersenyum sendirian. Pengalaman dirotan dan dimarahi guru serta sifat nakal dengan rakan-rakan begitu dirindui.

Mustahil bagi seorang anak kampung sepertinya tidak melalui frasa tersebut apatah lagi di tanah rancangan itu, hanya mempunyai 86 sahaja keluarga peneroka. Tinggal dalam satu komuniti yang kecil membolehkan mereka mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

IZHAM Shafie ketika watikah perlantikan Majlis Tertinggi dan Exco Kor Suksis UUM 2010/2011.

Satu lagi perkara menarik yang diceritakan Izham ialah kedudukan bilik darjah di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lapan, Changlun, Kedah. Ia hanya mempunyai satu kelas bagi setiap darjah. Ini bermakna hanya ada enam kelas sahaja untuk darjah satu hingga enam.

"Keadaan ini berlaku kerana tidak ramai anak-anak peneroka yang memulakan alam persekolahan. Ini memandangkan kawasan tersebut baru sahaja dibuka dan tidak ramai pelajar yang bersekolah di situ kerana kedudukan tanah rancangan yang jauh dari bandar," katanya yang aktif dalam Persatuan Menembak Negeri Kedah dan merupakan Kapten Paramotor UUM.

Ketika itu juga, ujarnya, rata-rata peneroka masih lagi dibelenggu masalah kewangan kerana

> "Hubungan saya dengan Felda tidak pernah putus. Saya ingin meneruskan apa yang telah arwah ayah lakukan dulu. Walaupun saya tidak menetap di rumah ini tetapi saban minggu dan setiap detik, saya tetap pulang ke sini



SEKOLAH Kebangsaan Batu Lapan merupakan platform awal Izham Shafie mengenal potensi dan bakat dirinya dalam bidang akademik.

Teguran biar berhemah

KETIKA ditanya mengenai masalah anak-anak muda hari ini yang sukar didekati, beliau menyifatkan ia harus dilakukan dengan berhemah.

Ini kerana katanya, tugas itu bukan semudah disangkakan kerana jika tersilap langkah akan dipersalahkan di kemudian hari.

"Menegur anak jiran tetangga tidak boleh sesuka hati begitu juga dengan budak-budak muda di kampung yang tiada pekerjaan, semuanya perlu mempunyai cara tersendiri.

"Banyak hati perlu dijaga seperti ibu bapa, dan ini juga boleh menyebabkan hubungan yang renggang dengan jiran tetangga," katanya.

Namun, ujar beliau, pada satu peringkat, generasi muda ini sebenarnya memerlukan 'orang lain' terutama orang yang paling rapat untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

"Sebagai contoh, ada sesetengah mereka ini datang berjumpa dengan saya dan menceritakan masalah yang membelenggu diri mereka dan mengharapkan saya dapat membantu. Ini kerana mungkin mereka merasakan saya adalah orang luar dan tiada kaitan dengan konflik yang berlaku," katanya.

Beliau berkata, untuk memastikan keadaan kejiranan yang harmoni, paling utama ialah ibu bapa perlu mengetahui aktiviti anak-anak dan ambil berat segala masalah mereka.

"Jangan bersikap acuh tak acuh dengan anak-anak kerana apabila ada yang mengadu kita tidak boleh terima sikap mereka. Ibu bapa kena kenal siapa anak-anak mereka dengan baik," ujar beliau.